



## MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa **daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

- JAWATAN : **PEMBANTU AWAM GRED H11 (UNIT LANDSKAP)**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
- JADUAL GAJI (MIN – MAKS) : RM 1,218.00 – RM 2,939.00
- KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 80.00
- TARAF JAWATAN : **KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)**
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).
- (Syarat Tambahan** : Keutamaan kepada calon yang memiliki kemahiran khusus pertukangan, perkebunan, kreatif dan fleksibel dengan tugas-tugas khas)
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 DISEMBER 2020**

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

## **CATATAN AM**

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian / temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian / temu duga:
  - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
  - (ii) Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini
  - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong / tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.2**